

**sains**

# **KERATAN AKHBAR**

## **15 - 19 APRIL 2023**

**NEW  
STRAITS TIMES**

**Star Kosmo!**  
The people's paper

**Utusan**  
Penyeler fikiran rakyat

**Sinar**  
suara aknka komuniti anda

**astro**  
AWANI

**NOGORI KITO**

**facebook**

**THE EDGE  
MARKETS**  
MAKE BETTER DECISIONS

**Sun**  
THE  
FREE AND INDEPENDENT

**FMT  
news**  
FREE AND INDEPENDENT

**Metro**

**BERITA HARIAN**

**malaysiakini**  
terkini untuk anda

**BERNAMA**

**MEDIA  
RANIA**

**星洲日報**  
SIN CHEW DAILY

**南洋商報**  
NANYANG SIANG PAU

**中國報**  
CHINA PRESS

**malaymail**  
Since 1988

## Sains laksana pelan tindakan kontigensi tangani gangguan bekalan air

SEREMBAN: Bagi tujuan memantau dan menangani sebarang gangguan bekalan air di seluruh Negeri Sembilan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains) akan mengaktifkan Pelan Tindakan Kontigensi (PTK) bermula dari 20 sehingga 25 April ini.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, sepanjang enam hari pelaksanaan PTK itu, petugas-petugas Sains diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam bagi memastikan gangguan yang berlaku pada tahap minimum.

Jelas beliau, bagi tempoh sebelum PTK ini, Sains terus melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berterusan secara bersepada melibatkan aset dan infrastruktur air.

"Ia termasuklah pemantauan paras kolam, melakukan servis injap kawalan tekanan dan memastikan rumah-rumah pam dalam keadaan baik terutamanya menjelang perayaan.

"Sains berusaha menghentikan sebarang kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang tempoh PTK yang boleh mengganggu operasi loji rawatan air dan sistem agihan," katanya dalam kenyataan.

Menurut Rozita, pihak Sains menasihatkan para pelanggan agar menggunakan air secara berhemat dan melakukan persediaan bekalan air simpanan dalam tempoh 24 jam sekiranya berlaku gangguan bekalan air disebabkan perkara di luar jangka.

"Perkara tersebut seperti pencemaran kualiti air mentah yang mengakibatkan loji rawatan air terpaksa mengurangkan pengeluaran atau menutup operasi, berlakunya tekanan air rendah disebabkan oleh penggunaan air berganda pada waktu puncak serta berpunca dari gangguan bekalan elektrik di loji dan rumah pam selain insiden paip pecah," jelasnya lagi.

Tambah beliau, kerjasama daripada semua pelanggan adalah sangat diharapkan agar melaporkan sebarang insiden paip pecah kepada pihak Sains agar tindakan segera dapat diambil.

"Dalam tempoh PTK dilaksanakan, Sains telah mengaturkan persediaan dengan 10 buah lori tangki dan 65 buah tangki statik yang akan ditempatkan di kawasan tinggi dan di penghujung sistem retikulasi serta beberapa lokasi yang telah dikenal pasti sering berlaku masalah tekanan air rendah ketika musim perayaan," katanya.-UTUSAN.

## Penduduk bosan isu air tak selesai

KUALA LUMPUR: Kepulangan perantau untuk meraikan sambutan Aidilfitri pada hujung minggu ini, bersama keluarga masing-masing di kampung halaman, pasti meningkatkan keperluan bekalan air bersih bagi pelbagai tujuan serta urusan.

Susulan situasi itu, penduduk beberapa kawasan di Kelantan, menyuarakan kebimbangan berhubung gangguan yang sering dihadapi mereka selama ini.

Mereka mendakwa, pada hari biasa bekalan air sering terputus, apatah lagi ketika sambutan Aidilfitri dengan kepulangan perantau yang ramai.

Situasi itu turut dirasai lebih 1,000 penduduk sekitar Kuala Besar di sini yang dibelenggu masalah air berpanjangan sejak lebih 10 tahun lalu, namun sehingga masih tiada penyelesaian.

### Air telaga berbau, 'berkarat'

Selain itu katanya, penduduk di lokasi itu juga masing-masing menggali perigi atau membina telaga tiub untuk kegunaan harian.

"Namun, air perigi dan telaga tiub 'berkarat' serta berbau. Ia tidak boleh digunakan untuk memasak dan hanya untuk mandi serta membasuh pinggan mangkuk saja.

"Apa yang kami bimbang adalah musim perayaan tidak lama lagi dan setiap rumah semestinya berlaku pertambahan ahli keluarga susulan kepulangan perantau.

"Setiap tahun apa yang kami alami adalah air tidak mencukupi walaupun pihak Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menghantar bekalan, memandangkan jumlah pengguna bertambah berkali ganda," katanya ketika ditemui di sini.

Rohaya berkata, sekiranya tahun ini masalah sama berlaku, sudah semestinya ia menimbulkan kesulitan dalam kalangan penduduk terutama mereka yang mahu mengadakan kenduri.

Peniaga runcit, Nordilla Zahari, 50, mengakui penduduk kawasan itu sudah jemu dengan masalah air dan berharap ia dapat diselesaikan dengan segera.

"Keadaan sekarang pun sudah sulit bagi kami apatah lagi apabila semua sanak saudara pulang ketika Aidilfitri.

"Saya berharap Aksb dapat menyediakan bekalan air yang lebih berbanding hari biasa memandangkan waktu perayaan adalah waktu penting untuk penduduk," katanya.

Sementara itu, Zakiah Ismail, 60, dari Kampung Parit, Pasir Tumbuh turut mengharapkan bekalan air pada Aidilfitri kali ini tidak terjejas.

Ibu kepada empat cahaya mata itu berkata, dia bimbang kekurangan bekalan air menyebabkan rutin harian mereka sekeluarga terjejas dan menimbulkan kesulitan terutama kepada cucu cucunya nanti.

"Di Pasir Tumbuh sering berlaku bekalan air terputus, ada ketika sehingga seminggu disebabkan masalah tangki. Aksb sepatutnya sudah bersedia dengan bekalan yang mencukupi kerana penggunaan air ketika Aidilfitri adalah berganda," katanya.

**SAMBUNGAN**

## Jejas aktiviti seharian

Di Negeri Sembilan, gangguan bekalan air pula meresahkan penduduk sekitar Taman Jimah Jaya dekat Port Dickson hingga menjaskan kehidupan harian mereka, sejak dua bulan lalu.

Antara alasan diberikan pihak berkuasa setiap kali gangguan yang dialami hampir setiap minggu adalah kebocoran pada paip utama.

Penduduk, Tharsan Konden, 45, mendakwa hampir setiap minggu gangguan bekalan air dihadapi hampir 2,500 penduduk membabitkan 700 kediaman di situ, yang boleh berlaku pada bila-bila masa secara tiba-tiba,

"Perkara ini sudah kami bawa kepada pengetahuan pemimpin tempatan tetapi setakat ini, belum ada penyelesaian muktamad," katanya ketika ditemui di Balai Raya Taman Indah Jaya, Chuah.

Penduduk, Roslan Md Nor, 59, mengakui keadaan ini amat menyukarkan penduduk terutama ketika Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

"Bayangkan dalam tempoh seminggu, dua hingga tiga kali masalah ini berlaku dan penduduk tidak boleh lagi tahan sabar kerana taman ini juga adalah taman lama yang tidak mempunyai tangki yang besar.

"Saya yakin pada Aidilfitri ini, juga kami akan hadapi masalah sama sebab ia bagaikan tiada kesudahan malah setiap aduan kami ia hanya dijawab masalah paip bocor, sampai bila kami boleh bertahan?," katanya yang sudah 20 tahun tinggal di sini.

Penduduk, Khoo Chee Keong, 53, berkata apabila penduduk menyimpan air dalam tong besar, ramai yang menerima saman Jabatan Kesihatan jika dikesan menjadi tempat pembiakan jentik-jentik nyamuk.

"Kami berharap masalah ini diatasi segera kerana alasan yang sama ia tidak membantu kerana mereka sepatutnya selesaikan masalah itu secepat mungkin, bukan hanya beri alasan paip bocor, kami muak dan lebih parah ada yang pergi kerja pun tidak mandi," katanya.

## SAINS baiki lima tangki, tangani gangguan air di Port Dickson

SEREMBAN - Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sedang membaiki lima tangki air di Port Dickson bagi menyalurkan bekalan air yang lebih baik dan berterusan kepada penduduk di kawasan tinggi.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia sekali gus menangani masalah gangguan air yang kerap berlaku di beberapa kawasan di daerah itu sehingga menyukarkan penduduk menjalani kegiatan harian.

"Ia bukan kerana isu air menyebabkan air tiada tetapi tekanan air yang rendah dan tidak sampai ke kawasan tinggi. Sekarang ini kita (SAINS) sedang baiki dan akan ambil sedikit masa lagi, di kawasan lain tidak kerap berlaku masalah ini, Port Dickson sahaja.

"Harap penduduk sekitar bersabar kerana ia akan diselesaikan nanti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri kepada 88 ahli majlis daerah dengan masing-masing menerima RM1,000 di sini pada Rabu.

Aminuddin yang juga Pengurus SAINS turut meminta agensi berkenaan bersedia selain mengaktifkan pelan tindakan kontingensi bagi memantau dan menangani sebarang gangguan bekalan air di seluruh negeri sempena Aidilfitri.

"Penggunaan air akan tinggi di semua daerah dan terpaksa salur tekanan air agak kuat supaya air sampai ke rumah-rumah. Jadi, akan ada risiko berlaku pair pecah sebab banyak paip sudah lama... bukan mudah nak tukar kerana kos tinggi, ia antara isu di semua negeri," katanya. - Bernama

## SAINS baiki lima tangki, tangani gangguan air di Port Dickson

**SEREMBAN:** Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sedang membaiki lima tangki air di Port Dickson bagi menyalurkan bekalan air yang lebih baik dan berterusan kepada penduduk di kawasan tinggi.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata ia sekali gus menangani masalah gangguan air yang kerap berlaku di beberapa kawasan di daerah itu sehingga menyukarkan penduduk menjalani kegiatan harian.

"Ia bukan kerana isu air menyebabkan air tiada tetapi tekanan air yang rendah dan tidak sampai ke kawasan tinggi. Sekarang ini kita (SAINS) sedang baiki dan akan ambil sedikit masa lagi, di kawasan lain tidak kerap berlaku masalah ini, Port Dickson sahaja.

"Harap penduduk sekitar bersabar kerana ia akan diselesaikan nanti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri kepada 88 ahli majlis daerah dengan masing-masing menerima RM1,000 di sini hari ini.

Aminuddin yang juga Pengerusi SAINS turut meminta agensi berkenaan bersedia selain mengaktifkan pelan tindakan kontigensi bagi memantau dan menangani sebarang gangguan bekalan air di seluruh negeri sempena Aidilfitri.

"Penggunaan air akan tinggi di semua daerah dan terpaksa salur tekanan air agak kuat supaya air sampai ke rumah-rumah. Jadi, akan ada risiko berlaku pair pecah sebab banyak paip sudah lama... bukan mudah nak tukar kerana kos tinggi, ia antara isu di semua negeri," katanya.

-- BERNAMA

## SAINS BAIKI LIMA TANGKI, TANGANI GANGGUAN AIR DI PORT DICKSON

SEREMBAN, 19 April (Bernama) -- Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sedang membaiki lima tangki air di Port Dickson bagi menyalurkan bekalan air yang lebih baik dan berterusan kepada penduduk di kawasan tinggi.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata ia sekali gus menangani masalah gangguan air yang kerap berlaku di beberapa kawasan di daerah itu sehingga menyukarkan penduduk menjalani kegiatan harian.

"Ia bukan kerana isu air menyebabkan air tiada tetapi tekanan air yang rendah dan tidak sampai ke kawasan tinggi. Sekarang ini kita (SAINS) sedang baiki dan akan ambil sedikit masa lagi, di kawasan lain tidak kerap berlaku masalah ini, Port Dickson sahaja.

"Harap penduduk sekitar bersabar kerana ia akan diselesaikan nanti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri kepada 88 ahli majlis daerah dengan masing-masing menerima RM1,000 di sini hari ini.

Aminuddin yang juga Pengerusi SAINS turut meminta agensi berkenaan bersedia selain mengaktifkan pelan tindakan kontigensi bagi memantau dan menangani sebarang gangguan bekalan air di seluruh negeri sempena Aidilfitri.

"Penggunaan air akan tinggi di semua daerah dan terpaksa salur tekanan air agak kuat supaya air sampai ke rumah-rumah. Jadi, akan ada risiko berlaku pair pecah sebab banyak paip sudah lama... bukan mudah nak tukar kerana kos tinggi, ia antara isu di semua negeri," katanya.